



11 Jun 2013  
11 June 2013  
P.U. (A) 176

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2013

### *CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU  
(PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2013**.

(2) Kecuali peraturan 15, 16, 16A dan 21A, Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2013.

(3) Peraturan 15, 16, 16A dan 21A mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U. (A) 324/2004], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2, dalam takrif “karton”, dengan menggantikan perkataan “dua atau lebih” dengan perkataan “sepuluh”.

**Peraturan baru 5A**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 5 peraturan yang berikut:

**“Larangan penjualan hasil tembakau melalui promosi**

5A. (1) Tiada seorang pun boleh—

(a) mempromosikan penjualan apa-apa hasil tembakau secara langsung atau tidak langsung; atau

(b) menggunakan mana-mana orang sama ada melalui apa-apa kontrak, perjanjian, persefahaman atau persetujuan, sama ada terikat di sisi undang-undang atau selainnya, mempromosikan jualan apa-apa hasil tembakau secara langsung atau tidak langsung.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan peraturan 8**

4. Subperaturan 8(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “tahun” perkataan “atau kedua-duanya”.

### **Pindaan peraturan 8A**

5. Peraturan 8A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pengilang atau pengimport itu hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah pada tiap-tiap kali berlakunya suatu perubahan kepada harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau yang disebut dalam subperaturan (1) disebabkan oleh apa-apa kenaikan harga jualan runcit suatu hasil tembakau itu.”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (5).

### **Pindaan peraturan 8C**

6. Peraturan 8C Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Harga minimum rokok bagi setiap paket rokok dua puluh batang adalah RM 7.00.”.

### **Pindaan peraturan 8D**

7. Subperaturan 8D(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “bagi paket rokok itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan” dengan perkataan “sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 8C(1)”.

### **Pindaan peraturan 9**

8. Subperaturan 9(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “sekurang-kurangnya”; dan
- (b) dengan memasukkan perkataan “hanya” sebelum perkataan “dua puluh”.

### **Pindaan peraturan 11**

9. Subperaturan 11(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), (h) dan (q), dengan menggantikan perkataan “di dalam mana-mana” dengan perkataan “dalam mana-mana kawasan”;
- (b) dalam perenggan (i), dengan memasukkan selepas perkataan “atau persendirian” perkataan “atau di mana-mana tempat awam”;
- (c) dalam perenggan (j), (k), (o), (p), (r), (s) dan (t) dengan memotong perkataan “di dalam suatu”;
- (d) dalam perenggan (n), dengan memotong perkataan “dalam” di mana-mana juga terdapat di dalam perenggan itu; dan
- (e) dengan memasukkan selepas subperaturan (1), subperaturan yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subperaturan (1)—

- (a) mana-mana kawasan sesuatu premis adalah merujuk kepada keseluruhan kawasan premis itu, termasuk mana-mana kawasan di dalam bangunan dan kawasan sekitar bangunan itu yang berada di dalam lingkungan sempadan pagar atau tanah lot premis itu;
- (b) mana-mana kawasan dalam suatu bangunan adalah merujuk kepada mana-mana kawasan di dalam bangunan itu dan termasuklah kawasan kaki lima bangunan di dalam sempadan kawasan litupan bumbung kekal kawasan bangunan itu, dan juga termasuklah kawasan yang dilitupi oleh apa-apa bumbung kekal tambahan yang bersambungan dengan bangunan utama itu; dan
- (c) mulai 1 Januari 2014, mana-mana kawasan dalam suatu bangunan adalah merujuk kepada mana-mana kawasan di dalam bangunan itu dan termasuklah kawasan kaki lima dan di dalam lingkungan jarak tiga meter daripada garisan bangunan itu, dan termasuklah kawasan litupan apa-apa bumbung kekal tambahan yang bersambungan dengan bangunan utama itu.”.

### **Pindaan peraturan 15**

10. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—
  - (i) dalam subperenggan (a)(ii), dengan menggantikan perkataan “empat puluh” dengan perkataan “lima puluh”; dan

- (ii) dalam subperenggan (b)(ii), dengan menggantikan perkataan “empat puluh” dengan perkataan “lima puluh”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(4A) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk menjual, membeli atau berada dalam milikannya apa-apa paket rokok atau karton rokok yang tidak dicetak dengan set teks dan imej amaran kesihatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.”.

### **Pindaan peraturan 16**

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 16 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Pembungkusan rokok**

16. (1) Pengilang hendaklah membungkus rokok di dalam suatu paket yang mengandungi hanya dua puluh batang rokok atau di dalam suatu karton yang mengandungi hanya sepuluh paket rokok.

(2) Mana-mana orang yang dalam menjalankan apa-apa perniagaan atau urus niaga membekalkan atau menawarkan untuk membekal apa-apa rokok di dalam mana-mana paket atau karton hendaklah mematuhi subperaturan (1), peraturan 15, 15A, 15B, 15C dan 16A .

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan peraturan 16A**

12. Peraturan 16A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Bagi maksud subperaturan (1)—

- (a) larangan termasuklah, tetapi tidak terhad kepada penggunaan apa-apa istilah, perkataan atau perihalan seperti “light”, “ultra light”, “mild”, “cool”, “extra”, “low tar”, “special”, “full flavour”, “premium”, “rich”, “famous”, “slim”, “gred A” atau apa-apa istilah, perkataan, atau perihalan atau perkataan lain yang sama erti dengannya yang secara langsung atau tidak langsung mewujudkan tanggapan yang salah atau palsu bahawa sesuatu hasil tembakau itu adalah kurang berbahaya daripada suatu hasil tembakau yang lain; dan
- (b) larangan juga termasuk apa-apa istilah, perkataan, perihalan, tuntutan, representasi atau grafik yang menyatakan penggredan, kualiti atau keunggulan hasil tembakau itu atau yang menarik atau yang tiada kaitan dengan ciri-ciri fizikal hasil tembakau itu atau apa-apa perkataan yang mempunyai maksud bagi tujuan mempromosikan penjualan atau pelupusan suatu hasil tembakau secara langsung atau tidak langsung.”.

#### **Pindaan peraturan 21A**

13. Peraturan 21A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1) dengan memasukkan selepas perkataan “tar” perkataan “atau karbon monoksida”; dan
- (b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Bagi maksud subperaturan (1)—

- (a) paras maksimum yang dibenarkan bagi nikotina adalah 1.3 mg bagi sebatang rokok, paras maksimum yang

dibenarkan bagi tar adalah 15 mg bagi sebatang rokok dan paras maksimum bagi karbon monoksida adalah 15 mg bagi sebatang rokok; dan

- (b) mulai 1 Jun 2015, paras maksimum yang dibenarkan bagi nikotina adalah 1.0 mg bagi sebatang rokok, paras maksimum yang dibenarkan bagi tar adalah 10 mg bagi sebatang rokok dan paras maksimum bagi karbon monoksida adalah 10 mg bagi sebatang rokok.”.


### **Pindaan peraturan 23**

14. Subperaturan 23(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “14(1)” perkataan “15(4A)”, dan selepas perkataan “21(2)”, perkataan “22(2)”.


### **Pindaan Jadual Kelima**

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Kelima dengan memasukkan selepas amaran kesihatan 6 amaran kesihatan yang berikut:

#### “AMARAN KESIHATAN 7



AMARAN KESIHATAN 8



AMARAN KESIHATAN 9




AMARAN KESIHATAN 10



AMARAN KESIHATAN 11



AMARAN KESIHATAN 12



**Pindaan Jadual Keenam**

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Keenam dengan memasukkan selepas amaran kesihatan 6 amaran kesihatan yang berikut :

“AMARAN KESIHATAN 7



AMARAN KESIHATAN 8



AMARAN KESIHATAN 9



AMARAN KESIHATAN 10



AMARAN KESIHATAN 11



AMARAN KESIHATAN 12



"

**Pemotongan Jadual Kesembilan**

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Kesembilan.

**Pindaan Jadual Kesepuluh**

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kesepuluh dengan Jadual yang berikut:

**"JADUAL KESEPULUH  
[Subperaturan 8C(2)]**

**AKTA MAKANAN 1983**

**PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004**

**NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK**

BAHAN	BENTUK/SAIZ / ORIENTASI	PERIHAL	REKA BENTUK
Kertas putih atau apa-apa bahan yang sesuai	<p>(a) Notis hendaklah mempunyai latar belakang putih dengan maklumat yang berikut ditulis pada notis tersebut:</p> <p>(b) Saiz minimum notis hendaklah 297 mm lebar x 210 mm panjang</p> <p>(c) Notis hendaklah dicetak dengan orientasi landskap</p>	<p>Notis hendaklah mempunyai latar belakang putih dengan maklumat yang berikut ditulis pada notis tersebut:</p> <p>(a) <b>"NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK"</b> – set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 36 poin.</p> <p>(b) <b>"HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH"</b> – set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 24 poin.</p> <p>(c) <b>"RM 7.00"</b> – set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial dan bersaiz 36 poin.</p> <p>(d) <b>"BAGI SEPAKET ROKOK 20 BATANG"</b> – set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial dan bersaiz 28 poin;</p>	<p><b>NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK</b></p> <p><b>HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH</b></p> <p><b>RM 7.00</b></p> <p><b>BAGI SEPAKET ROKOK 20 BATANG</b></p> <p><b>ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUMINI</b></p> <p><b>NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)</b></p> <p><b>ATAU</b></p> <p><b>HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN</b></p>

		<p>(e) "ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUMINI" –</p> <p>set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 28 poin.</p> <p>(f) "NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFORLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) ATAU HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN" –</p> <p>set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 16 poin.</p>	
--	--	---	--

Dibuat 30 Mei 2013  
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU2)418/XVIV]

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
*Menteri Kesihatan*

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Tobacco Product (Amendment) Regulations 2013**.

(2) Except for regulations 15, 16, 16A and 21A, these Regulations come into operation on 15 June 2013.

(3) Subregulations 15, 16, 16A and 21A come into operation on 1 January 2014.

**Amendment of regulation 2**

2. The Control of Tobacco Product Regulations 2004 [P.U. (A) 324/2004], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2, in the definition for “carton”, by substituting for the words “two or more” the word “ten”.

**New regulation 5A**

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 5 the following regulation:

**“Prohibition on sale of tobacco product by promotion**

5A. (1) No person shall—

(a) promote the sale of any tobacco product directly or indirectly; or

- (b) engage any person whether by way of contract, agreement, understanding or undertaking, whether binding or otherwise, promote the sale of any tobacco product directly or indirectly.
- (2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

#### **Amendment of regulation 8**

4. Subregulation 8(2) of the principal Regulations is amended by inserting after the word “years” the words “or to both”.

#### **Amendment of regulation 8A**

5. Regulation 8A of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:
- “(2) The manufacturer or importer shall submit an application in writing to the Director every time there is a change to the retail selling price of any tobacco product referred to in subregulation (1) due to any increase in the retail selling price of the tobacco products.”; and
- (b) by deleting subregulation (5).

#### **Amendment of regulation 8C**

6. Regulation 8C of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

- “(1) The minimum cigarette price for each packet of twenty sticks cigarettes shall be RM 7.00.”.

**Amendment of regulation 8D**

7. Subregulation 8D(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “for that packet of cigarettes as specified in the Ninth Schedule” the words “as specified in subregulation 8C(1)”.

**Amendment of regulation 9**

8. Subregulation 9(1) of the principal Regulations is amended—

- (a) by deleting the words “at least”; and
- (b) by inserting the word “only” before the word “twenty”.

**Amendment of regulation 11**

9. Subregulation 11(1) of the principal Regulations is amended—

- (a) in paragraphs (b), (h) and (q), by inserting after the word “any” the words “area of a”;
- (b) in paragraph (i), by inserting after the words “or residential building” the words “or in any public place”;
- (c) in paragraphs (j), (k), (o), (p), (r) , (s) and (t), by substituting for the word “in” appearing after the word “area” the word “of”;
- (d) in paragraph (n), by substituting for the word “in” appearing after the word “area” the word “of”; and
- (e) by inserting after subregulation (1), the following subregulation:

“(1A) For the purpose of subregulation (1)—

  - (a) any area of a premises refers to the whole area of the premises including any area inside the building and the

surrounding area of the building which is within the borders of the fence or the land lot of the premises;

- (b) any area in a building refers to any area inside the building and includes the five-foot way within the border of the permanent roof covered area of the building, and also includes the area covered by any additional permanent roof that is connected to the main building; and
- (c) beginning 1 January 2014, any area in a building refers to any area inside the building and includes the five-foot way and within three meters from the distance of the building line, and also includes the area covered by any additional permanent roof that is connected to the main building.”.

#### **Amendment of regulation 15**

10. Regulation 15 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) in subparagraph (a)(ii), by substituting for the word “forty” the word “fifty”; and

(ii) in subparagraph (b)(ii), by substituting for the word “forty” the word “fifty”; and

(b) by inserting after subregulation (4) the following subregulation:

“(4A) No person shall sell or offer for sale, buy or has in his possession any packet or carton of cigarette that is not printed with the texts set and health warning images as specified in the Fifth Schedule.”.

### **Amendment of regulation 16**

11. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 16 the following regulation:

#### **“Packaging of cigarette**

16. (1) The manufacturer shall pack the cigarette in a packet containing only twenty sticks of cigarette or in a carton containing only ten packets of cigarette.

(2) Any person who in the course of any trade or business supplies or offers to supply any cigarette in any packet or carton shall comply with subregulation (1), regulations 15, 15A, 15B, 15C and 16A.

(3) Any person who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for term not exceeding two years or to both.”.

### **Amendment of regulation 16A**

12. Regulation 16A of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) For the purpose of subregulation (1)—

(a) the prohibition includes, but not limited to the use of any term, word or descriptor such as “light”, “ultra light”, “mild”, “cool”, “extra”, “low tar”, “special”, “full flavour”, “premium”, “rich”, “famous”, “slim”, “grade A” or any term, word or descriptor or any other words of similar meaning that directly or indirectly create an erroneous or false impression that a particular tobacco product is less harmful than the other tobacco products; and

(b) the prohibition also includes any term, word, description, claim, representation or graphic that states the grading, quality or

supremacy of the product or is fanciful or that is not relevant to the physical characteristics of the tobacco product or any other words that is meant for the purpose of promoting directly or indirectly the sale or disposal of the tobacco product.”.

#### **Amendment of regulation 21A**

13. Regulation 21A of the principal Regulations are amended—

(a) in subregulation (1), by inserting after the word “tar” the words “or carbon monoxide”; and

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) For the purpose of subregulation (1)—

(a) the maximum allowable level for nicotine shall be 1.3 mg per cigarette, the maximum allowable level for tar shall be 15 mg per cigarette and the maximum allowable level for carbon monoxide shall be 15 mg per cigarette; and

(b) beginning 1 June 2015, the maximum allowable level for nicotine shall be 1.0 mg per cigarette, the maximum allowable level for tar shall be 10 mg per cigarette and the maximum allowable level for carbon monoxide shall be 10 mg per cigarette.”.

#### **Amendment of regulation 23**

14. Subregulation 23(1) of the principal Regulations is amended by inserting after the words “14(1)” the words “15(4A)”, and after the words “21(2),” the words “22(2)”.


#### **Amendment of Fifth Schedule**

15. The principal Regulations are amended in the Fifth Schedule by inserting after health warning 6 the following health warnings:

"HEALTH WARNING 7




HEALTH WARNING 8



HEALTH WARNING 9




HEALTH WARNING 10



HEALTH WARNING 11



HEALTH WARNING 12




### Amendment of Sixth Schedule

16. The principal Regulations are amended in the Sixth Schedule by inserting after health warning 6 the following health warnings:

"HEALTH WARNING 7



HEALTH WARNING 8



HEALTH WARNING 9



HEALTH WARNING 10



HEALTH WARNING 11



HEALTH WARNING 12



**Deletion of Ninth Schedule**

17. The principal Regulations are amended by deleting the Ninth Schedule.

### **Amendment of Tenth Schedule**

18. The principal Regulations are amended by substituting for the Tenth Schedule the following Schedule:

**"TENTH SCHEDULE**  
**[Subregulation 8C(2)]**

**FOOD ACT 1983**

**CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004**

**MINIMUM CIGARETTE PRICE NOTICE**

MATERIAL	SHAPE/SIZE / ORIENTASI	DESCRIPTION	DESIGN
White paper or any suitable material	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Notice shall be in rectangular shape</li> <li>(b) The minimum size of the notice shall be 297 mm in width x 210 mm in length</li> <li>(c) Notice shall be printed in landscape orientation</li> </ul>	<p>The notice shall have a white background with the following information shall be written on it:</p> <p>(a) <b>"NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK"</b> – the texts set shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 36 point.</p> <p>(b) <b>"HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH"</b> – the texts set shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 24 point.</p> <p>(c) <b>"RM 7.00"</b> – the texts set shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 36 point.</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p><b>NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK</b></p> <p><b>HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH</b></p> <p><b>RM 7.00</b></p> <p><b>BAGI SEPAKET ROKOK 20 BATANG</b></p> <p><b>ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI</b></p> <p><b>NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFORLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)</b></p> <p><b>ATAU</b></p> <p><b>HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN</b></p> </div>

		<p>(d) “<b>BAGI SEPAKET ROKOK 20 BATANG</b>” –</p> <p>the texts set shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 28 point.</p> <p>(e) “<b>ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUMINI</b>” –</p> <p>the texts set shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 28 point.</p> <p>(f) “<b>NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) ATAU HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN</b>” –</p> <p>the texts set shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 16 point.</p>	
--	--	--	--

Made 30 May 2013  
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU2)418/XVIV]

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
*Minister of Health*